

13 SEPTEMBER 2017

247 pelajar Sarawak terlibat dadah tahun lalu

247 pelajar Sarawak terlibat dadah tahun lalu

KUCHING 12 Sept. - Seramai 247 pelajar di negeri ini dikesan terlibat dalam penyalahgunaan dadah pada tahun lalu.

Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan negeri, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah berkata, jumlah tersebut adalah sedikit namun pihaknya tidak memandang ringan soal penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar.

Katanya, penyalahgunaan dadah di negeri ini adalah yang ketiga terendah di seluruh negara tetapi langkah-langkah pencegahan akan tetap dipertingkatkan bagi membendungnya daripada terus merebak.

"Kes melibatkan penyalahgunaan dadah dikalangan pelajar paling tinggi adalah di bandar ini dengan 34 kes dikesan.

"Justeru itu, kita berharap agar semua pihak bekerjasama terutama ibu bapa, pihak sekolah dan pemimpin masyarakat melaporkan sekiranya terdapat maklumat berkaitan tentang penyalahgunaan dadah di tempat mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas memperusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Penyelaras Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pepadam) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Biro Wanita PEMADAM negeri, Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali; Pengarah Pendidikan negeri, Rakayah Maadon dan Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri, Deputy Superintenden Sekam Anoi.